JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 22/2020

## RUJUKAN : 13 APRIL 2020

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Peningkatan kadar kes sembuh merupakan salah satu elemen pemantauan bagi menunjukkan status perkembangan semasa wabak COVID-19. Kepentingan perkongsian statistik ini dapat menjelaskan keberhasilan usaha kerajaan dalam mengawal dan merawat jangkitan sediada serta mengurangkan risiko kehilangan nyawa dari virus yang merbahaya ini. **Jumlah kumulatif kes sembuh (discaj)** pada 13 April 2020 telah **meningkat kepada 2,276 kes bersamaan dengan 47.2 peratus** daripada keseluruhan kes jangkitan. Sementara itu, kes aktif atau yang masih dalam rawatan mencatatkan jumlah sebanyak 2,464 kes, iaitu 35 kes lebih rendah berbanding catatan pada 12 April 2020.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan terdapat **134 kes positif baharu** menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan **sebanyak 4,817 kes. Kawasan Lembah Klang mendominasi** kes jangkitan positif dengan menyumbang **sebanyak 44.3 peratus**, Zon Selatan (22.5 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.3 peratus), Zon Pantai Timur (10.1 peratus) dan Zon Utara dengan 9.8 peratus. Di peringkat negeri, **peningkatan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di Negeri Sembilan dengan merekodkan 42 kes** iaitu meningkat 33 kes berbanding hari sebelumnya disusuli WP Kuala Lumpur sebanyak 27 kes, Johor (21 kes), Sabah (13 kes) dan Selangor (11 kes). Sementara itu, tiada penambahan kes positif direkodkan bagi negeri Pahang, Melaka, Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan WP Labuan. Sejumlah **77 kes kematian** dicatatkan sehingga kini menerusi **pertambahan 1 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

**Jumlah jangkitan COVID-19 di seluruh dunia** meningkat kepada **1,847,097 kes** dengan **jumlah kematian** sebanyak **114,102 kes. Amerika Syarikat** mendominasi **bilangan kes positif dengan menyumbang 30.1 peratus atau 555,398 kes** disusuli Sepanyol dengan catatan 166,831 kes, Itali (156,363 kes), Perancis (133,670 kes) dan Jerman dengan 127,854 kes. Sementara itu, United Kingdom telah mengatasi China melalui lebihan 2,072 kes menjadikan jumlah kes positif sebanyak 85,206 kes. **Kematian tertinggi** direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 22,023 kes,** diikuti Itali yang mencatatkan sebanyak 19,899 kes, Sepanyol (17,209 kes) dan Perancis (14,412 kes). Statistik bagi kadar kematian pula menunjukkan **Itali kekal mencatatkan kadar yang tertinggi** dengan 12.7 peratus, United Kingdom (12.5 peratus), Belgium (12.1 peratus), Perancis (10.8 peratus), Belanda (10.7 peratus) dan Sepanyol (10.3 peratus). Di peringkat global kadar kematian dicatatkan pada 6.18 peratus manakala kes sembuh meningkat kepada 421,896 (22.84 peratus) seperti pada jadual 2.

**Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang dilaksanakan bagi membendung penularan wabak COVID-19 telah memberi implikasi kepada kesihatan ekonomi negara. Impak negatif dijangka dialami secara meluas dengan menjejaskan sentimen pasaran yang mewujudkan kegelisahan komuniti perniagaan dan merisikokan pasaran buruh. **International Monetary Fund (IMF)** mengisytiharkan ekonomi dunia memasuki fasa kemelesetan yang dijangka lebih teruk berbanding krisis ekonomi *subprime* pada 2008. Penularan pandemik COVID-19 akan mendorong kepada kelembapan ekonomi seterusnya membawa kepada masalah pengangguran yang tinggi. Malaysian Institute of Economic Research (MIER) menjangkakan seramai **2.4 juta orang akan kehilangan pekerjaan** di mana 67 peratus daripadanya merupakan pekerja gaji harian dan pekerja kurang mahir. Selain itu, MIER juga menjangkakan bahawa pendapatan isi rumah akan jatuh 12 peratus dan perbelanjaan isi rumah akan turun 11 peratus. Bank Negara Malaysia (BNM) pula menyatakan **jangkaan peningkatan kadar pengangguran sehingga 4.0 peratus pada 2020** berbanding 3.3 peratus pada 2019. Masalah aliran tunai aktiviti perniagaan meningkatkan risiko pengangguran terutama industri **Perusahaan Kecil dan Sederhana PKS yang menyumbang lebih dua pertiga daripada jumlah pekerjaan** di Malaysia dan merangkumi lebih 95 peratus dari jumlah pertubuhan atau syarikat.

Melihat kepada perspektif sektor ekonomi, selain aktiviti pembuatan, antara segmen yang terjejas secara signifikan adalah sektor pelancongan. Berdasarkan kajian Affin Hwang Capital, sektor ini dijangka mengalami kerugian RM50 bilion hingga RM60 bilion kerana kekurangan pelancong akibat krisis Covid-19. Pernyataan ini diperkukuhkan menerusi respon dari Malaysia Association of Hotels (MAH) yang mengunjurkan kadar purata penginapan menurun kepada 11 peratus. Menurut petikan akhbar, seramai **2,041 pekerja hotel telah diberhentikan** ekoran desakan ekonomi dan pelanjutan tempoh PKP, manakala **seramai 9,773 pekerja diberikan cuti tanpa gaji** dan **5,054 pekerja dipotong gaji** sehingga hujung Mac 2020. Sementara itu, Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA), menjangkakan Malaysia akan mengalami kejatuhan permintaan penumpang sebanyak 39 peratus tahun ini dengan kerugian dalam pendapatan yang mencecah USD3.317 bilion sekiranya sekatan perjalanan akibat wabak ini berlangsung selama tiga bulan.

Sehubungan itu, kerajaan telah bertindak secara responsif dengan menyalurkan bantuan dan insentif bagi menjamin kelangsungan ekonomi dan mengelakkan kehilangan guna tenaga yang tinggi. Kerajaan menerusi pakej rangsangan PRIHATIN mengumumkan beberapa inisiatif bagi melindungi golongan pekerja, antaranya **Program Subsidi Upah** yang akan memanfaatkan 3.3 juta orang pekerja dengan peruntukan sebanyak RM5.9 bilion sebagai kesinambungan dan perluasan kepada Program Pengekalan Pekerjaan (Employment Retentation Program, ERP). Program ini mempunyai **objektif untuk membantu majikan mengekalkan pekerja dalam menghadapi cabaran semasa**. Insentif lain seperti pemberian diskaun bagi penggunaan elektrik, dana tambahan Perusahaan Kecil dan Sederhana PKS termasuk penangguhan pembayaran cukai pendapatan PKS dan penangguhan

bayaran serta penjadualan semula sumbangan majikan bagi KWSP merupakan antara langkah yang digarap bagi melindungi aktiviti perniagaan di Malaysia.

Seterusnya, menyedari kepentingan PKS sebagai tunjang ekonomi negara, kerajaan telah meneliti kesulitan bebanan kewangan yang di alami oleh kebanyakan industri dalam kelompok ini. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengumumkan **Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau "PRIHATIN TAMBAHAN" pada 6 April 2020.** Pakej tambahan berjumlah RM10 bilion ini dijangka dapat membantu meringankan beban kewangan PKS dan seterusnya menjamin dua pertiga daripada jumlah pekerja di negara ini terus mendapat pekerjaan. Kerajaan turut membenarkan beberapa sektor ekonomi tambahan beroperasi secara berfasa dengan garis panduan penjagaan kesihatan dan kawalan pergerakan yang ketat. MITI telah memperhalusi sektor-sektor tambahan berdasarkan impak ke atas kelangsungan PKS dalam sektor ekonomi khususnya pembuatan dan perkhidmatan dan jumlah tenaga kerja yang terlibat. Keputusan Kerajaan ini berdasarkan penelitian kepada isu prestasi kewangan, ekonomi dan kesejahteraan rakyat khususnya industri PKS bagi memastikan industri ini dapat bertahan dalam mengharungi situasi semasa yang mencabar ini.

Kejutan ekonomi global berikutan perkembangan semasa penularan pandemik COVID-19 sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Ini secara langsung akan memberikan reaksi kepada prospek pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2020. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Research memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

> **Global**: Berdasarkan Brookings-FT *tracking index*, ekonomi dunia telah pun berada dalam kancah kemelesetan yang paling teruk pernah dialami sejak perang dunia kedua, pada bulan Mac 2020 yang lepas. Indikator penunjuk keyakinan merosot, pasaran kewangan menjunam dan petunjuk ekonomi sebenar menurun, masalah kebankrapan dan kehilangan pekerjaan akan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap ekonomi dunia dan menghalang pemulihan ekonomi untuk jangka masa yang singkat. (Financial Times)
>
> **AS**: AS dijangka akan mencatatkan belanjawan defisit sebanyak AS$744 bilion pada separuh pertama tahun 2020, iaitu peningkatan 8 peratus berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan defisit ini adalah didorong oleh perbelanjaan luar biasa pada April 2020 dan penurunan pendapatan kerajaan persekutuan AS semasa krisis kesihatan COVID-19 melanda negara tersebut. Pada Mac 2020, jumlah defisit belanjawan berjumlah AS119 bilion, iaitu 19 peratus lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. Jumlah defisit yang lebih baik pada Mac yang lepas adalah disebabkan peningkatan pendapatan kerajaan persekutan dan penurunan perbelanjaan. (Reuters)

**EU**: Eurogroup mencapai persetujuan bersama ke atas pakej bantuan untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19. Menteri-menteri kewangan di eropah bersetuju untuk mewujudkan *Pandemic Crisis Support* berjumlah hampir Euro 240 bilion, iaitu kira-kira 2 peratus daripada KDNK keseluruhan nergara kumpulan tersebut. Pakej ini tersedia kepada semua ahli di bawah *European Stability Mechanism*. Di samping itu, Bank Pelaburan Eropah turut mewujudkan mekanisme lain dengan menyediakan jaminan pembiayaan berjumlah Euro 200 bilion kepada pertubuhan-pertubuhan PKS di rantau itu. (RTT)

**AS**: Indeks Harga Pengguna (IHP) AS menyusut -0.4 peratus pada Mac 2020 berbanding peningkatan marginal 0.1 peratus bagi dua bulan sebelumnya. Penurunan ini didorong oleh kejatuhan indeks harga pengguna tenaga yang turun -5.8 peratus pada Mac setelah menyusut -2.0 peratus pada bulan sebelumnya. Tanpa indeks harga pengguna tenaga dan makanan, IHP teras turun -0.1 peratus berbanding 0.2 peratus peningkatan bagi Januari dan Februari 2020. (RTT)

**CHINA**: Bank-bank China meningkatkan pinjaman pada Mac 2020 sebagai langkah untuk menyokong pemulihan ekonomi dan peningkatan permintaan kredit oleh pelanggan. Pinjaman oleh bank-bank China berjumlah CNY 2.85 trilion pada Mac 2020 telah melebihi dari CNY1.8 trilion yang dijangkakan. Sementara itu jumlah pembiayaan sosial meningkat kepada CNY 5.15 trilion menghampiri 2 kali ganda daripada yang diramalkan. Data penawaran wang M2 pula mencatatkan peningkatan 10.2 peratus berbanding 8.8 peratus yang diramalkan. (RTT)

**CHINA**: Inflasi China bertumbuh pada kadar yang lebih rendah akibat penurunan permintaan dan harga minyak yang terkesan dari pandemik COVID-19. Kadar inflasi China pada Mac meningkat 4.3 peratus berbanding 4.9 peratus yang diramalkan. (Bloomberg)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) Kejatuhan pada aliran penumpang, hasil dan kos perbelanjaan tetap yang tinggi akan **menyebabkan kerugian bersih kepada MAHB** bagi tahun 2020. **Pendapatan MAHB** dijangka **bangkit semula pada separuh kedua** tahun 2020 dan 2021 selepas pandemik COVID-19 pulih.

2) **Pasaran ekuiti tempatan mencatatkan aliran keluar dengan penjualan bersih RM325.6 juta** pada minggu lalu berbanding RM486 juta yang dicatatkan pada minggu sebelumnya. Walau bagaimanapun, Malaysia kekal sebagai **negara ketiga yang mencatatkan jumlah pengaliran asing yang rendah** berbanding enam negara Asia lain.

3) Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan negara bukan OPEC bersetuju **mengurangkan pengeluaran minyak sebanyak 10 juta tong sehari bersamaan 1/10 pengeluaran global.** Langkah berkenaan akan diambil bermula 1 Mei dan turut merangkumi pelbagai peringkat sehingga selepas 2021. Langkah ini dijangka akan meningkatkan harga minyak sebanyak $15 setong dalam masa terdekat.

4) Industri pengeluaran simen dan keluli diberi **kebenaran untuk beroperasi.**

5) Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) mempunyai **lebih daripada 18,000 kenderaan tidak terjual, tidak termasuk stok dari pembekal** di United Kingdom dan Jepun. Industri automatif dan pengedar kereta import dijangka akan terjejas disebabkan penularan wabak Covid-19.

6) Vietnam bercadang untuk **menutup sementara Pou Chen Corp, pembuat kasut sukan terbesar dunia**, susulan kebimbangan penularan wabak COVID-19. Pou Chen Corp merupakan **pengeluar kasut sukan berjenama dan kasual terbesar dunia** serta pengeluar jenama antarabangsa termasuk Nike, Adidas dan New Balance. Pou Chen Corp menghasilkan lebih 300 juta pasang kasut setahun.

7) MIDF Amanah Investment Bank membuat **unjuran semula Jumlah Jualan Kenderaan (TIV) bagi tahun 2020 kepada 504,850 unit** daripada 581,367 unit sebelumnya. TIV dijangka menurun 16.5 peratus tahun ke tahun (YoY) berbanding empat peratus tahun sebelumnya sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlanjutan ke fasa empat.

8) Fitch Ratings menjangkakan **ekonomi Malaysia bertumbuh pada kadar 5.8 peratus pada tahun 2021**. Bagi tahun 2020, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia **dijangka menguncup pada kadar -1.0**, kadar hutang umum kerajaan 69.6 peratus daripada KDNK dan kadar inflasi berpurata sekitar 0.3 peratus.

9) Persatuan Farmaseutikal Malaysia memohon **perlanjutan kontrak** seramai **3,500 pegawai farmasi** kerajaan yang berkemungkinan akan kehilangan pekerjaan bermula **April hingga Disember 2020**. Mereka juga antara *frontliners* yang membantu memerangi COVID-19.

10) **Sektor automotif** dijangka berdepan situasi amat sukar, susulan jualan kenderaan pada **Mac dan April dijangka susut mendadak**. Pusat pengedaran juga berdepan isu aliran tunai iaitu **bayaran gaji pekerja** yang terpaksa bercuti susulan PKP, **bayaran balik pinjaman**, **sewa premis** dan **stok kenderaan yang tidak terjual.**

11) Dianggarkan **50,000 tenaga** kerja tempatan yang terlibat di dalam **pengedar dan pengimport kereta berisiko kehilangan pekerjaan** sekiranya krisis Covid-19 belanjutan melebihi dua bulan.

12) **Kerajaan dijangka tampil dengan pelan sokongan** untuk dua sektor strategik negara iaitu **industri penerbangan** serta **perniagaan berkaitan minyak dan gas** yang terjejas teruk susulan pandemik COVID-19 dan pergerakan harga minyak mentah yang tidak menentu. **Penganalisis Kanan Pasaran OANDA** menyatakan kesan COVID-19 **memberikan impak besar ke atas ekonomi global**, lebih-lebih lagi ekonomi baharu muncul seperti Malaysia.

13) **Aktiviti penternakan dijangka perlahan** kerana harga yang rendah dan penurunan bekalan di pasaran. **AmInvestment Bank Bhd** menyatakan situasi ini berikutan **permintaan terhadap ternakan berkurangan** disebabkan jualan restoran yang rendah serta penutupan kantin di sekolah dan kilang semasa tempoh PKP. **Peningkatan permintaan daripada isi rumah tidak dapat menampung** penurunan permintaan daripada restoran dan kantin.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **New Straits Time** | **Oil oversupply to pile up this month?**<br><br>Oil oversupply may surge to 50 per cent this month despite the Organisation of the Petroleum Exporting Countries (OPEC) and other oil-producing countries' decision to cut production, Kenanga Research said.<br><br>The widespread of Covid-19 pandemic was expected to remove roughly between 15 million and 35 million bpd in demand for the second-quarter (Q2) of 2020, it added.<br><br>As at March 2020, he said oil demand had fallen 13 per cent from December 2019 levels, with market oversupply at a record high of about 10 million bpd. | https://new.nst.com.my/business/2020/04/583845/oil-oversupply-pile-month |
| 2. | **The EDGE** | **Poultry farming slow down due to lower prices, supply**<br><br>Poultry farming activities are expected to slow down due to lower prices and decreasing supply in the market, which will eventually support prices, says AmInvestment Bank Bhd.<br><br>In a note, the bank said poultry demand was impacted by lower restaurant sales and canteen closures in schools and factories during the Movement Control Order (MCO). | https://www.theedgemarkets.com/article/poultry-farming-slow-down-due-lower-prices-supply |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The increased demand from households was also unable to make up for the loss of sales to restaurants and canteens, and as a result, both sales volume and selling prices took a beating.<br><br>“We believe that consumers prefer items with longer shelf life and instant meals as opposed to fresh poultry,” it said. | |
| 3. | **The EDGE** | **Will economic contraction get worse than BNM's forecast?**<br><br>Bank Negara Malaysia (BNM) projected that the country's gross domestic product (GDP) growth to be between -2% and 0.5% this year amid expectation that economic activities will pick up in the second half of the year.<br><br>Affin Hwang Investment Bank Bhd chief economist Alan Tan projected a 3.5% contraction of real GDP growth, which is much lower than BNM's forecast. He explained that the sharper contraction is due to the research firm's view on a bigger drop in domestic demand by 4% compared with BNM's forecast of 1.1%.<br><br>The government has extended the MCO to April 28, with some relaxations, still Affin Hwang has no intention to trim its forecasts of GDP contraction of | https://www.theedgemarkets.com/article/will-economic-contraction-get-worse-bnms-forecast |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 3.5% for 2020, although there will be a possible further drag to the economy, said Tan. He, however, noted that the current projection does take into account weak private consumption in the near to medium term and weak external demand for exports amid global supply chain disruptions. | |

Penemuan penting & isu:

1. Kenanga Research menjangkakan bekalan minyak mentah akan meningkat sehingga 50 peratus walaupun *Organisation of the Petroleum Exporting Countries* (OPEC) dan negara pengeluar minyak lain telah mengurangkan pengeluaran. Pandemik Covid-19 akan menyebabkan permintaan merosot sebanyak 15 hingga 35 juta bpd untuk suku kedua 2020.
2. AmInvestment Bank menjangkakan aktiviti penternakan ayam akan merosot akibat daripada kurang permintaan di pasar. Permintaan ayam merosot akibat penutupan restoran, kantin sekolah dan kilang sepanjang PKP. Peningkatan permintaan daripada isi rumah juga tidak dapat menampung kerugian yang dihadapi oleh restoran dan kantin. AmInvestment juga percaya bahawa isi rumah lebih gemar membeli produk yang mempunyai jangka hayat lama dan makanan segera berbanding ayam segar.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peningkatan bekalan minyak mentah akan mempengaruhi harga minyak mentah dan secara langsung memberi impak kepada ekonomi negara terutamanya dalam sektor Perlombongan dan pengkuarian. Pada tahun 2019, nilai ditambah sektor tersebut bertumbuh perlahan kepada negatif 1.5 peratus berbanding negatif 2.6 peratus pada tahun sebelumnya.
2. Permintaan yang lemah terhadap ayam segar akibat penutupan restoran dan kantin sepanjang PKP akan memberi kesan kepada aktiviti penternakan ayam. Sub sektor Ternakan menyumbang sebanyak 1.1 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 2019.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **The Star** | **Shops selling electrical, electronic items not allowed to open during MCO in Negeri Sembilan** | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/13/shops-selling-electrical- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The Negeri Sembilan government will not allow shops selling electrical and electronic items to reopen before the third phase of MCO expires on April 28. | electronic-items-not-allowed-to-open-during-mco-in-negri-sembilan |
| 2. | **Malay Mail** | **Auto workshops, spare parts stores allowed to operate during MCO**<br><br>The Ministry of International Trade and Industry (MITI) has clarified that vehicle workshops and car parts centres may now operate during MCO period.<br><br>Those providing after-sales services were among those given exemption to open. After sales services refers to the operations of maintenance and service of vehicles within the country.<br><br>Logistics services supporting this sector such as the transportation of automotive parts and components are also allowed to operate. | https://www.msn.com/en-my/news/national/miti-auto-workshops-spare-parts-stores-allowed-to-operate-during-mco/ar-BB12y4s9?li=BBr8YXF |
| | **B. Subsektor Kesihatan** | | |
| 3. | **The Malaysian Insight** | **Ujian pandu lalu COVID -19 mudah dan jimat masa**<br><br>Ujian pandu lalu mendapat sambutan orang ramai dalam menangani wabak COVID -19 kerana ia mudah dan menjimatkan masa. Kebanyakan memilih cara ini kerana bimbang dengan peningkatan jumlah pesakit yang disahkan positif COVID -19 di Malaysia. | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/v/237074 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **C. Subsektor Hartanah** | | |
| 4. | **The Star** | **Property market expected to be affected by COVID -19**<br><br>Director of KGV International Property Consultants (M) Sdn Bhd expected the full impact from COVID -19 and the MCO to be felt in the next six to 12 months.<br><br>He anticipated that there would be more cases of property owners selling their properties as early as three months after the six-month bank moratorium ends. The property owners were willing to sell their properties at lower prices and buyers could get good deals. | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/04/11/property-market-expected-to-be-affected-by-COVID-19 |
| | **D. Subsektor Perkhidmatan Lain** | | |
| 5. | **Malay Mail** | **Selangor Sultan: Mosque, surau and musolla activities suspended until May 31**<br><br>Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah has decreed that the suspension of Friday prayers across the state will be prolonged until May 31 to contain the spread of COVID - 19.<br><br>The congregational prayers and religious lectures at all mosques, surau and musolla (prayer premises) in Selangor were also ordered to be postponed to the same date. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/13/selangor-sultan-mosque-surau-and-musolla-activities-suspended-until-may-31/1856203 |

Penemuan penting & isu:

1. Kedai barangan elektrik dan elektronik tidak dibenarkan beroperasi di seluruh Negeri Sembilan.

2. Bengkel kereta dan kedai alat ganti kenderaan termasuk dalam kategori perkhidmatan selepas jualan dan dibenarkan beroperasi dalam tempoh kawalan pergerakan ini.
3. Orang ramai lebih selesa menggunakan perkhidmatan ujian COVID -19 secara pandu lalu kerana ia menjimatkan masa dan mudah tanpa perlu bersesak di hospital.
4. Sektor hartanah dijangka akan terkesan dengan pandemik ini dalam tempoh 6 hingga 12 bulan akan datang.
5. Aktiviti keagamaan meliputi solat Jemaah, solat Jumaat dan kuliah agama di semua masjid, surau dan musolla di Selangor akan ditangguhkan sehingga 31 Mei 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Larangan operasi perniagaan bagi kedai cermin mata akan memberi kesan penurunan jualan bagi industri jualan runcit cermin mata dan jualan optik lain.
2. Keputusan kerajaan membenarkan bengkel kereta dan kedai alat ganti beroperasi dalam tempoh PKP secara tidak langsung dapat membantu industri ini untuk kekal bertahan.
3. Perkhidmatan saringan COVID-19 secara pandu lalu yang ditawarkan oleh fasiliti perubatan swasta akan menyumbang kepada peningkatan hasil di bawah aktiviti hospital (MSCI 86100).

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Malaysia turunkan duti eksport sawit**<br><br>Duti eksport minyak sawit mentah (MSM) Malaysia dikurangkan kepada 4.5 peratus bagi Mei 2020, berbanding 5.0 peratus pada April 2020.<br><br>Harga rujukan bagi MSM untuk tempoh 1 Mei 2020 hingga 31 Mei 2020 ialah RM2,460.89 satu tan.<br><br>Kadar duti eksport MSM bagi Mei 2020 bermula pada paras 3.0 peratus untuk harga MSM yang berlegar antara RM2,250 hingga RM2,400 satu tan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/676635/malaysia-turunkan-duti-eksport-sawit |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Kadar duti eksport ialah 4.5 peratus untuk harga MSM yang berlegar antara RM2,401 hingga RM2,550 satu tan.<br><br>Kadar duti eksport maksimum adalah pada paras 8.0 peratus untuk harga MSM melebihi RM3,450 satu tan.<br><br>Pandemik COVID-19 dijangka akan menjejaskan rantaian global bekalan minyak sawit kerana banyak negara melaksanakan sekatan dan kawalan pergerakan untuk mengekang penularan wabak berkenaan. | |
| 2. | **Astro Awani** | **Pemotongan 10 juta tong minyak sehari bermula Mei**<br><br>Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan negara bukan OPEC bersetuju untuk meningkatkan harga minyak dengan memotong sehingga 10 juta tong pengeluaran sehari bermula 1 Mei.<br><br>Jumlah ini bersamaan dengan satu persepuluh daripada pengeluaran minyak global.<br><br>Iran akan memotong 9.7 juta tong minyak bagi bulan Mei dan Jun dan 8 juta tong sehari bermula pada bulan Julai sehingga akhir tahun 2020. Mexico akan memotong pengeluaran sebanyak 100,000 tong sehari. Dua juta pemotongan tambahan akan | http://www.astroawani.com/berita-dunia/pemotongan-10-juta-tong-minyak-sehari-bermula-mei-238038 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dilakukan oleh Arab Saudi, Kuwait dan Emiriah Arab Bersatu. | |
| 3. | **Berita Harian** | **Vietnam cadang tutup kilang kasut terbesar dunia**<br><br>Vietnam bercadang untuk menutup sementara unit Pou Chen Corp, pembuat kasut sukan terbesar dunia, susulan kebimbangan mengenai kemungkinan penularan COVID-19.<br><br>Pou Chen Corp merupakan pengeluar kasut sukan berjenama dan kasual terbesar dunia serta pengeluar jenama antarabangsa termasuk Nike, Adidas dan New Balance. Pou Chen Corp menghasilkan lebih 300 juta pasang kasut setahun. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/676712/vietnam-cadang-tutup-kilang-kasut-terbesar-dunia |
| 4. | **New Straits Times** | **Covid-19 exhausts car dealers and importers, 50,000 workforce at risk**<br><br>Some 50,000 local workforce of car dealers and importers are at risk of losing their jobs if the Covid-19 crisis prolongs more than two months.<br><br>Industry players generally said over 4,000 used/re-conditioned car dealers and importers could also be drowned in red ink due to almost-zero sales, higher inventories and weaker consumer sentiments amid high fixed operational cost.<br><br>As of March 1, The Malaysian Association of Malay Vehicle | https://www.nst.com.my/business/2020/04/583794/covid-19-exhausts-car-dealers-and-importers-50000-workforce-risk |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Importers and Traders (Pekema) has more than 18,000 unsold vehicles, excluding incoming stocks from suppliers in the United Kingdom and Japan. | |

Penemuan penting & isu:

1. Duti eksport minyak sawit mentah (MSM) Malaysia dikurangkan kepada 4.5 peratus bagi Mei 2020, berbanding 5.0 peratus pada April 2020. Harga rujukan bagi MSM untuk tempoh 1 Mei 2020 hingga 31 Mei 2020 ialah RM2,460.89 satu tan. Pandemik COVID-19 dijangka akan menjejaskan rantaian global bekalan minyak sawit berikutan kebanyakan negara melaksanakan sekatan dan kawalan pergerakan untuk mengekang penularan wabak berkenaan.
2. Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan negara bukan OPEC bersetuju untuk meningkatkan harga minyak dengan memotong sehingga 10 juta tong pengeluaran sehari bermula 1 Mei 2020. Iran akan memotong 9.7 juta tong minyak bagi bulan Mei dan Jun dan 8 juta tong sehari bermula pada bulan Julai sehingga akhir tahun 2020. Mexico akan memotong pengeluaran sebanyak 100,000 tong sehari. Dua juta pemotongan tambahan akan dilakukan oleh Arab Saudi, Kuwait dan Emiriah Arab Bersatu.
3. Vietnam bercadang untuk menutup sementara Pou Chen Corp, pembuat kasut sukan terbesar dunia, susulan kebimbangan penularan wabak COVID-19. Pou Chen Corp merupakan pengeluar kasut sukan berjenama dan kasual terbesar dunia serta pengeluar jenama antarabangsa termasuk Nike, Adidas dan New Balance. Pou Chen Corp menghasilkan lebih 300 juta pasang kasut setahun.
4. Sehingga 1 Mac 2020, Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) mempunyai lebih daripada 18,000 kenderaan tidak terjual, tidak termasuk stok dari pembekal di United Kingdom dan Jepun. Industri automatif dan pengedar kereta import dijangka akan terjejas disebabkan penularan wabak Covid-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import **minyak sawit mentah** (HS 1511) pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport minyak sawit mentah bernilai RM185.0 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak sawit mentah jatuh sebanyak RM19.9 juta atau 9.7% daripada RM204.9 juta. Manakala, nilai eksport minyak sawit mentah ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada bulan Februari 2020, eksport minyak sawit mentah bernilai RM2.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak sawit

mentah meningkat RM331.1 juta atau 13.2% daripada RM2.5 bilion.

2. Nilai import **minyak mentah** (HS 2709) bernilai RM26.8 bilion. Antara sumber utama import ialah Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), Emiriah Arab Bersatu (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport minyak mentah bernilai RM2.2 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak mentah meningkat RM165.6 juta atau 8.0% daripada RM2.1 bilion. Manakala, nilai eksport minyak mentah pada tahun 2019 bernilai RM29.1 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia ialah Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengeksport minyak mentah bernilai RM1.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak mentah jatuh sebanyak RM343.3 juta atau 16.1% daripada RM2.1 bilion.
3. Nilai import **kasut sukan** (HS 6404) pada tahun 2019 ialah RM942.8 juta. Sumber utama import ialah dari China (RM417.2 juta, 44.2%), Vietnam (RM358.3 juta, 38.0%) dan Indonesia (RM 90.1 juta, 9.6%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport kasut sukan bernilai RM44.7 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import kasut sukan jatuh sebanyak RM14.1 juta atau 24.1% daripada RM58.8 juta. Import kasut sukan dijangka akan terjejas pada tahun 2020 akibat penularan wabak Covid-19.
4. Nilai import **kereta** (HS 8703) pada tahun 2019 ialah RM8.5 bilion. Sumber utama import ialah dari Jepun (RM2.8 bilion, 33.4%), Jerman (RM2.2 bilion, 25.7%) dan China (RM 2.0 bilion, 23.6%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport kereta bernilai RM347.6 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import kereta jatuh sebanyak RM495.2 juta atau 58.8% daripada RM842.8 juta. Import kereta dijangka akan terjejas pada tahun 2020 akibat penularan wabak Covid-19.
5. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Harga minyak mentah melonjak, Brent pada AS$32.45**<br><br>Harga minyak meningkat lebih tiga peratus hari ini selepas pengeluar utama bersetuju mengurangkan output untuk meningkatkan harga bahan api yang terjejas oleh COVID-19 | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/676483/pengeluar-minyak-utama-dunia-setuju-kurang-pengeluaran |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dan perang harga Arab Saudi-Russia. | |
| 2. | **Bernama** | **Harga produk rendah jejas pendapatan FY20-FY22 PetChem**<br><br>AmInvestment Bank mengunjurkan pendapatan untuk tahun kewangan 2020 (FY20) hingga FY22 Petronas Chemicals Group Bhd (PetChem) akan terjejas berikutan harga produk dan kadar penggunaan loji (PU) yang rendah serta leveraj overhed tetap yang tinggi. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1831441 |
| 3. | **The Star Online** | **Engineering and construction sector struggling and in need of support**<br><br>The Institution of Engineers Malaysia (IEM) welcomed the announcement on March 27 of the RM250bil economic stimulus package and the government's commitment to continue the implementations of all projects allocated in Budget 2020, including the Mass Rapid Transit Line 2, East Coast Rail Link and the National Fiberisation and Connectivity Plan. | https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2020/04/13/engineering-and-construction-sector-struggling-and-in-need-of-support |
| 4. | **The Star Online** | **Nod for building material producers to resume work**<br><br>Cement and steel manufactures may see trading interest after having been given the green light to resume operations under the movement control order (MCO) period, which has | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/13/nod-for-building-material-producers-to-resume-work |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>now been extended for another two weeks until April 28.</td><td></td></tr>
<tr><td>5.</td><td>The Star</td><td>Students make face shields and nebuliser spacers for frontliners<br><br>Four Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) engineering students are making nebuliser spacers using 3D-printed parts and plastic bottles to support the medical frontliners in their fight against Covid-19.</td><td>https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/04/13/students-make-face-shields-and-nebuliser-spacers-for-frontliners</td></tr>
<tr><td colspan="4">Penemuan penting & isu:<br>1. Menurut AmInvestment Bank, pengurangan pengeluaran oleh Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum dan sekutunya (OPEC+) berikutan kapasiti penyimpanan yang terhad memberi sedikit kelegaan, tetapi dijangka tidak mencukupi untuk mengimbangi kejatuhan mendadak dalam penggunaan minyak.<br>2. Semua projek di bawah peruntukan Belanjawan 2020, termasuk Mass Rapid Transit Line 2 dan East Coast Rail Link diteruskan.<br>3. Industri pengeluaran simen dan keluli diberi kebenaran untuk beroperasi.<br>4. Empat orang pelajar UTAR menghasilkan penutup muka menggunakan percetakan 3D dan botol plastic bagi membantu pembantu perubatan menghadapi COVID-19.</td></tr>
<tr><td colspan="4">Maklumbalas Bahagian:<br>1. Bahagian akan sentiasa memantau harga minyak dunia secara berkala dan kesannya kepada data IPP Perlombongan.<br>2. Kesan ketidakstabilan harga minyak akan turut mempengaruhi industri downstream seperti pembuatan produk petroleum (kumpulan 19) dan petrokimia (kumpulan 20).<br>3. Mengenalpasti projek-projek yang terkesan dalam arahan PKP dalam survei pembinaan suku tahunan.<br>4. Bahagian mengambil maklum berkaitan percetakan 3D yang dapat menghasilkan penutup muka dalam masa singkat dan berkesan.</td></tr>
<tr><td>E.</td><td colspan="3">Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)</td></tr>
<tr><th>Bil</th><th>Akhbar</th><th>Ringkasan</th><th>Pautan</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>The Edge Market</td><td>Palm oil dips on lower exports, higher inventories<br><br>Malaysian palm oil futures eased on Monday, pressured by falling exports amid higher March</td><td>https://www.theedgemarkets.com/article/palm-oil-dips-lower-exports-higher-inventories</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | inventories as global lockdowns to stem the spread of the coronavirus curbed demand.<br><br>Malaysia's exports in April 1-10 fell between 6.6%-12% from the month before. Malaysia's March palm oil inventories were rising 1.67% from February as production also increased by 8.4%. Palm oil is affected by price movements in related oils as they compete for a share in the global vegetable oils market. | |
| 2. | **The Edge Market** | **MAHB share selldown presents buying opportunity as valuations seen attractive**<br><br>MAHB's share price is down 42% presents a buying opportunity at attractive valuations. The drop in passenger traffic and revenue, coupled with a relatively high fixed cost base will trigger a net loss in FY20.<br><br>MAHB's earnings is expected to rebound in 2H20 and 2021, supported by the gradual normalisation of travel demand after Covid-19 eases. | https://www.theedgemarkets.com/article/mahb-share-selldown-presents-buying-opportunity-valuations-seen-attractive%C2%A0 |
| 3. | **Berita Harian** | **Ringgit dibuka rendah, RM4.319 sedolar**<br><br>Ringgit dibuka rendah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) pagi ini susulan permintaan lemah terhadap mata wang tempatan berikutan prospek ekonomi negara yang dijangka terjejas.<br>Ringgit berada pada 4.3190/3280 berbanding dolar AS daripada | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/676489/ringgit-dibuka-rendah-rm4319-sedolar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | paras penutup 4.3050/3150 yang dicatatkan pada Jumaat lalu.<br>Pemain pasaran menjangka Malaysia mengalami penguncupan ekonomi buat pertama kali dalam tempoh sedekad dengan Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini mengumumkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berada antara -2 peratus dan 0.5 peratus tahun ini. | |
